

DOKUMEN AWAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PANDANGAN INDIVIDU-INDIVIDU TERPILIH
TERHADAP DUA PULUH (20) TUNTUTAN
PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA (PROWARIS)
DAN MAJLIS PERMUAFAKATAN NGO-NGO MALAYSIA (MAPAN)
KE ATAS WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)
MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG
YANG TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664)

PROWARIS

PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA

MAPAN

MAJLIS PERMUAFAKATAN
NGO-NGO MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH

JAWATANKUASA INDUK KAJI SELIDIK WPI PROWARIS-MAPAN

Isnin, 1 Rejab 1428H | Monday, 16 July 2007

Pandangan YBHG TAN SRI AZIZ ABD RAHMAN terhadap Tuntutan ProWaris Malaysia terhadap Isu WPI

Pertemuan wakil ProWaris Malaysia dengan **YBHG TAN SRI AZIZ ABD RAHMAN** telah berlangsung di rumah beliau pada pukul 9.20 malam 11 Julai 2007. Pada pandangan peribadi Tan Sri Aziz Abd Rahman berkenaan Tuntutan ProWaris terhadap Kerajaan berkenaan isu WPI, tuntutan itu mestilah di sampaikan kepada pengetahuan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ini kerana bagi menjaga air muka kerajaan dan mengelakkan kerajaan dari tersinggung. Tan Sri Aziz berpendapat jikalau kerajaan tidak mengendahkan Memorandum tersebut barulah ProWaris boleh menghantar Memorandum tersebut kepada Majlis Raja-Raja Melayu. Di bawah ini adalah pandangan peribadi beliau terhadap Tuntutan ProWaris:-

Tuntutan 3 : Seksyen 50 IRDA (Akta 664)

Saya berpandangan Seksyen ini perlu dimansuhkan. Ini kerana Seksyen ini adalah bertentangan dengan sistem pentadbiran awam, demokrasi dan Perlembagaan Persekutuan. Dengan wujudnya Seksyen 51 IRDA sudah cukup untuk memberi perlindungan terhadap penjawat jawatan WPI di dalam menjalankan tugas. Mengikut pengalaman saya sebagai seorang penggubal undang-undang (“Assistant Parliamentary Draftmen”), saya tidak pernah melihat Seksyen yang menyerupai Seksyen 50 ini di dalam mana-mana akta-akta yang telah digubal.

Tuntutan 4 : Seksyen 56 IRDA (Akta 664)

Berkenaan dengan Seksyen 56 ini, saya berpendapat Seksyen ini perlu dimansuhkan. Ini kerana bertentangan dengan amalan demokrasi, Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang bertulis. Kita juga perlu menekankan setiap undang-undang yang dibuat perlu diluluskan oleh parlimen sebagai badan tertinggi yang membuat undang-undang.

Tuntutan 6 : Jadual 3 Seksyen 8 (4) IRDA Akta 664

Pada pandangan saya, Seksyen ini bermaksud ketetapan tanpa mesyuarat itu berdasarkan Circular Resolution. Tetapi bila dilihat secara menyeluruh Seksyen ini boleh menyebabkan orang bercelaru dan tidak memahami intipati Seksyen. ini dan boleh ditafsir dengan berbagai-bagai cara. Saya mempunyai pandangan bahawa Sekyen ini berbahaya dan boleh disalah gunakan bagi tujuan kepentingan mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tuntutan 7 : Seksyen 18 IRDA Akta 664

Saya berpandangan amatlah mustahil untuk meminda Seksyen ini dengan meletakkan Melayu sebagai syarat untuk menjadi Ketua Eksekutif. Tetapi syarat itu boleh diletakkan sebagai dasar WPI.

Tuntutan 8 : Tarikh Penguatkuasaan IRDA Akta 664

Saya berpandangan tarikh penguatkuasaan tidak perlu dimasukkan ke dalam kandungan tuntutan ProWaris. Ini kerana dalam situasi yang tertentu kerajaan boleh menggazetkan mana-mana Akta atau undang-undang berdasarkan keperluan semasa. Walaubagaimanapun kerajaan perlu membuat hebahan awam kepada rakyat sebelum digazetkan IRDA Akta 664 ini.

Tuntutan 12 & 13 : Penyataan Peniaga Melayu dalam Kawasan Bebas


Oleh kerana peniaga Melayu tidak mampu bersaing dengan peniaga bangsa lain dan pelabur asing dalam kawasan bebas, Kerajaan perlu tubuh satu badan untuk memimpin orang Melayu menjalankan perniagaan di kawasan itu. Jika tidak orang Melayu tidak ada ruang langsung di dalam kawasan itu.

Tuntutan 15 : Pembangunan Tanah Rezab Melayu

Pada pandangan saya kerajaan hendaklah menubuhkan satu badan khas untuk mentadbir dan membangunkan Tanah Rezab Melayu. Setiap syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Mara automatik dianggap Syarikat Melayu. Sepatutnya, kerajaan menggunakan Akta Mara ini sebagai platform untuk membangunkan orang Melayu. Badan yang ditubuhkan

di bawah Akta Mara akan memimpin dan mengambil inisiatif untuk Melayu berniaga di sesuatu kawasan.

Saya menyokong penuh tuntutan ProWaris Malaysia dan ini merupakan pandangan peribadi saya terhadap dokumen tuntutan yang dikemukakan terhadap saya. Saya berharap pihak kerajaan dapat meneliti dan mengkaji tuntutan ProWaris Malaysia sedalam-dalamnya bagi membangunkan Negara dan masyarakat Melayu Johor khususnya.



.....
YBHG TAN SRI AZIZ ABD RAHMAN
Pengerusi Lembaga Penasihat ProWaris



PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA

No. Pendaftaran: 2071 (Selangor)

14 Julai 2007
29 Jamadil Akhir 1428

En. Feriz Omar
Presiden
Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa
(ProWaris)
Tingkat 5 Wisma Le Proton
134 Jalan Raja Abdullah
50450 Kuala Lumpur

Tuan,

20 Tuntutan Prowaris terhadap Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan beserta dokumen yang berkaitan dengan perkara di atas. Syabas atas usaha ProWaris itu dan terima kasih diucapkan atas kesudian memohon pandangan Persatuan Linguistik Malaysia.

2. Setelah meneliti kandungan dokumen tersebut, saya berpandangan bahawa ProWaris mempunyai asas untuk mengemukakan pandangan kepada pihak berkuasa tentang konsep dan pelaksanaan WPI, yang secara langsung mempunyai kaitan dengan kepentingan bangsa Melayu dan negara umumnya.
3. Dokumen tersebut perlu dihalusi dan ditimbang dari dua sudut utama yang terpenting, iaitu:
 - i. Visi dan misi WPI mestilah dalam rangka kepentingan pembangunan negara Malaysia sebagai negara berdaulat dan bernaung, bukan sebagai pelan mengisi kepentingan negara asing.
 - ii. WPI tidak harus menyimpang daripada semangat Dasar Ekonomi Baharu yang menjadi salah satu tunjang pembinaan dan pembangunan negara ini, yang berpaksikan keadilan ekonomi dan sosial dalam kalangan rakyat negara ini, dengan penekanan kepada usaha memberikan keadilan kepada bangsa Melayu dan Bumiputera yang terbukti masih ketinggalan.
4. Dengan berasaskan dua prinsip pokok itu, Persatuan Linguistik Malaysia menyokong penuh 20 tuntutan yang digariskan oleh ProWaris untuk memastikan bahawa WPI

memenuhi kepentingan negara secara umumnya dan keperluan bangsa Melayu dan Bumiputera secara khususnya. Antaranya, termasuklah:

- i. Memastikan bahawa pelibatan dalam aktiviti ekonomi dan pemilikan aset perniagaan dan perusahaan orang Melayu dan Bumiputera menjadi agenda utama dalam Zon Ekonomi Istimewa (SEC), selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baharu yang menjadi salah tunjang dasar negara.
- ii. Mengekalkan hak milik semua hartanah yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan kerajaan negara ini, khususnya bangsa Melayu dan Bumiputera, dengan salah satu usahanya ialah melalui pengazetan status pegangan berpajak selama 60 tahun apabila berlaku penukaran hak milik.
- iii. Memastikan bahawa syarikat asing yang diberi peluang dalam WPI menetapkan nisbah yang selaras dengan Dasar Ekonom Baharu dalam hal pelibatan profesional Melayu dan Bumiputera.
- iv. Memastikan bahawa bahan tempatan, terutama yang dihasilkan oleh usahawan Melayu dan Bumiputera dijadikan sekurang-kurangnya 50% dalam proses penghasilan produk.
- v. Memastikan aspek keselamatan negara diberi perhatian utama di WPI agar tidak timbul isu pencabulan kedaulatan negara.
- vi. Penjelasan dan pendedahan secara telus semua perancangan dan dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan WPI kepada rakyat.
- vii. Penggunaan sistem perbankan Islam dalam segala urusan di WPI .
- viii. Memastikan tiada penjualan barangan yang bertentangan dengan syariat Islam, seperti penjualan arak dan tiada kegiatan yang menyalahi Islam sebagai agama Persekutuan.
- ix. Pengutamaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam pemberian citra di tempat awam dan penerbitan dokumen rasmi yang berkaitan dengan WPI.

5. Persatuan Linguistik Malaysia mengalu-alukan sebarang bentuk wacana yang telus dan ikhlas digiatkan di seluruh negara kepada pelbagai khalayak sasaran, dalam usaha memberikan penerangan kepada seluruh rakyat negara ini.

Sekian. Terima kasih.

Salam perjuangan,



(PROF. DR. AWANG SARIYAN)

Presiden

s.k. - Prof. Emeritus Dr. Nik Safiah Karim (Penasihat)

- Setiausaha Kehormat